

## MENCARI KEBERKATAN DALAM MENGUMPUL KEKAYAAN

Oleh: Muhammad Abdullah bin Muhammad Karim, 1172414,  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
*Disiarkan pada 23 Ogos 2020*



*Kekayaan bukanlah segala-galanya*

Siapa yang tidak mahu menjadi kaya? Sudah pasti semua manusia hendak menjadi kaya. Namun, bagaimanakah untuk meraih kekayaan dengan cara yang diberkati?

Maksud kaya bagi setiap orang pasti berbeza. Menurut Rasulullah SAW, kekayaan tidak diukur dari jumlah harta sahaja. Kekayaan juga dapat dilihat dari jiwa yang tenang.

Sementara itu, penulis buku *Rich Dad, Poor Dad*, Robert T Kiyosaki menunjukkan jalan mengumpul kekayaan melalui pendapatan pasif.

Secara umumnya, kaya bermaksud memiliki harta dan mempunyai kehidupan yang mewah. Dalam Islam, seseorang itu bebas untuk menjadi kaya selagi tidak melampaui batas dan melanggar perintah Allah SWT.

Seperti hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud, “Bukanlah kekayaan itu kerana banyaknya harta, akan tetapi kekayaan itu adalah kaya hati (jiwa).” (Riwayat al-Bukhari, Muslim, at-Tirmizi, Ibnu Majah & Ahmad)

Jadi, kita perlu menjadi orang kaya yang memiliki tujuan di dunia dan akhirat agar tidak kemaruk dengan kekayaan dunia semata-mata.



*Jagalah hati, pasti kekayaan sebenar dapat dirasai*

Seorang Muslim mesti mempunyai niat yang baik semasa mengumpul kekayaan serta melakukan pekerjaan yang halal agar harta yang diperolehi itu diberkati dan diredai Allah SWT.

Kita mesti mempunyai kemahuan serta usaha yang gigih untuk mendapat kekayaan tersebut. Jangan hanya bercakap kosong tanpa disusuli dengan tindakan yang konkrit.

Menurut Islam, amalan zakat dan sedekah yang bertujuan membantu golongan kurang berkemampuan boleh menambah kekayaan fizikal dan rohani.

Seperti firman Allah SWT dalam ayat 261 surah al-Baqarah yang bermaksud, “Perumpamaan bagi orang yang mendermakan hartanya di jalan Allah seperti sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada setiap tangkai ada seratus biji. Allah melipatgandakan (ganjaran) bagi sesiapa yang Dia kehendaki, serta Allah Maha Luas (kurnia-Nya), lagi Maha Mengetahui.”.

Seterusnya, menjaga silaturahim sesama manusia adalah satu lagi cara memperoleh kekayaan yang disarankan dalam Islam.

Jumlah kenalan yang ramai membolehkan kita mengambil manfaat dengan niat yang baik untuk membantu antara satu sama lain.

Seperti sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, “Barang siapa yang mahu diluaskan rezekinya atau dikenang jasanya, sebaiknya ia menghubungkan silaturahim.” (Hadis Riwayat Muslim)

Dari sudut pandangan Islam, rezeki tidak sekadar dalam bentuk kekayaan harta benda semata-mata. Kesihatan yang baik dan jiwa yang tenang juga adalah rezeki kurniaan Allah SWT.

Kita juga sering gelisah kerana memikirkan harta yang tidak pernah cukup. Sikap itu boleh diubah dengan bersyukur terhadap apa yang kita miliki.

Insya-Allah, kegelisahan itu akan hilang dan kita sentiasa berasa cukup walaupun pendapatan dan harta kita tidak sebanyak yang dimiliki orang lain.